

UMP bantu puihara hutan lipur

Bergotong-royong bersihkan Taman Eko-Rimba Bukit Bertangga di Felda Kumal pada masa akan datang.

AZIZAH SHAFIEI

BERA - Universiti Malaysia Pahang (UMP) sedia menyahut cabaran meneruskan usaha pemuliharaan dan penjagaan alam semula jadi di Taman Eko-Rimba Bukit Bertangga di Felda Kumal pada masa akan datang.

Penolong Pendidafiannya, Noorfitriah Abd Rafiq berkata, aktiviti gotong-royong membersihkan taman itu bukan sahaja mengajak mahasiswa mencintai alam semula jadi, malah meningkatkan kesedaran mereka untuk memelihara alam sekitar untuk generasi akan datang.

"Kita turut bekerjasama dengan mahasiswa dari universiti lain, NGO dan penduduk untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan penjagaan alam sekitar. Tanpa kesedaran ini, alam semula jadi ini akan musnah dan secara tidak langsung akan memberikan impak negatif kepada generasi akan datang," katanya.

Sementara itu, lebih 40 mahasiswa dan tenaga pengajar dari UMP hadir menyenangi program Koi Sayang Alam Sekitar, di sini, baru-baru ini.

Tindakan Pengarah Program, Muhammad Na'im Kamaludin, 22, berkata, aktiviti berkenaan bukan sahaja sangat bermanfaat kepada mahasiswa, malah berkongsi faedah bersama komuniti di sini terutama dalam soal penjagaan alam sekitar.

Selain berpeluang menabur khidmat baik, katanya, mereka dapat bersama-sama menyenangi aktiviti penanaman pokok di hutan lipur itu.

"Selain membersihkan sampah-sarap, kita juga berusaha menambah koleksi alam semula jadi dengan menanam pelbagai jenis pokok seperti meranti.

"Kita mahu membantu meningkatkan kehidupan di sini, dan mengajak komuniti supaya mencintai alam sekitar. Jaga hutan lipur ini untuk generasi akan datang," katanya.

Untuk jangka masa panjang, katanya, pihaknya akan bekerjasama dengan beberapa pihak lain bagi memastikan usaha ini berterusan.

Dalam pada itu, Ketua 3K Program, Muhammad Adil Zamri, 22, berkata, pengalaman mengendalikan program ini memberikan semangat kepadanya untuk terus beraksi kepada masyarakat dan alam semula jadi.



MUHAMMAD ADIL



MUHAMMAD NA'IM



Meneruinya, semua pihak perlu bekerjasama memastikan alam persekitaran bersih terutama di lokasi yang berpotensi besar sebagai produk pelancongan yang mampu menajana sumber ekonomi penduduk.

"Saya akan terus membantu selagi khidmat diperlukan. Pada masa yang sama, saya juga mahu mengajak masyarakat supaya mencintai alam sekitar. Tanpa alam sekitar yang bersih, kita tidak akan mampu menikmati kehidupan selesa.

"Inilah harapan generasi akan datang, janganlah kita leka dan mengabaikan tanggungjawab kita, sebaliknya bersama-sama menyenangi usaha murni ini," katanya.



Aktiviti gotong-royong dilaksanakan secara beramal bagi memastikan Taman Eko-Rimba Bukit Bertangga sentiasa terpelihara.



Pembuatan anggota bomba membantu membersihkan kemadaman asas seperti tandas membi manfaat kepada pengunjung hutan lipur ini.



Sebahagian mahasiswa UMP bersama Adnan Gual, Datuk Seri Noroi Azali Sulaiman serta mahasiswa universiti lain, NGO dan penduduk setempat selepas program Koi Sayang Alam Sekitar.